



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 7 TAHUN 2011**

Kepada:

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Selangor Darul Ehsan.

**GARIS PANDUAN PERBELANJAAN MAKAN DAN MINUM BAGI
MESYUARAT DI JABATAN / AGENSI NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan berhubung perbelanjaan makan dan minum bagi mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di jabatan-jabatan dan juga tatacara perolehan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan / Agensi berkaitan perkara ini.

2.0 PERATURAN

- 2.1 Jabatan hendaklah mematuhi kadar bayaran makan dan minum yang telah ditetapkan iaitu:-
- i. Minum pagi – RM 4.00
 - ii. Makan tengahari – RM 8.00
 - iii. Minum petang – RM 4.00
- 2.2 Makanan tengahari boleh disediakan bagi mesyuarat yang diadakan berterusan dari pagi hingga ke petang.
- 2.3 Sekiranya mesyuarat yang dijalankan berpanjangan hingga ke malam, makan malam adalah dibenarkan dengan kadar bersamaan makan tengahari.
- 2.4 Penempahan makan dan minuman hendaklah mengikut bilangan keahlian mesyuarat sahaja.
- 2.5 Tiada had bilangan ahli mesyuarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Jabatan / Agensi hendaklah memantau keadaan ini agar bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada mereka yang berkaitan secara langsung sahaja.
- 2.6 Perbelanjaan kerana menyediakan makanan dan minuman hendaklah menggunakan Pesanan Tempatan (L/O) dan pesanan tempatan hendaklah dikeluarkan sebelum tarikh jamuan diadakan.

- 2.7 Penggunaan panjar wang runcit adalah **dibenarkan** bagi mesyuarat tergempar iaitu mesyuarat yang tidak dirancang dan perbelanjaan mestilah kurang daripada RM500 untuk satu resit serta perlu mematuhi peraturan panjar wang runcit yang berkuatkuasa.

3.0 PEMATUHAN GARIS PANDUAN

- 3.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengawasi dengan rapi setiap perbelanjaan dan hendaklah sentiasa mengingatkan pegawai bawahannya bahawa tindakan surcaj dan tatatertib boleh diambil ke atas mereka sekiranya didapati garis panduan dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini dan juga peraturan-peraturan yang sedia ada tidak dipatuhi.


4.0 KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh **27** Jun 2011